

Mahathir yakin pemimpin selepasnya akan terus dasar terapkan nilai Islam

UM 18 DEC 1984

KUALA LUMPUR 17 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin bahawa pemimpin-pemimpin negara ini selepas beliau akan meneruskan dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Bercakap dalam satu temuramah dengan majalah Indonesia, Panji Masyarakat yang disiarkan semula oleh akhbar Merdeka keluaran terbaru, Perdana Menteri menjelaskan, ini kerana pemimpin-pemimpin UMNO sekarang telah bersejua dengan dasar itu.

"Saya yakin mereka bukan semata-mata menerima kerana kepemimpinan tetapi kerana dasar itu adalah dasar yang disetujui," dan menerima apa yang dilakukan sekarang," ujar beliau apabila ditanya oleh wartawan Panji Masyarakat, Enik M. Syafii Anwar.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, dalam UMNO, dasar perjuangannya jelas dan semua pemimpin UMNO menyedari dasar mengenai penerapan nilai Islam.

Perdana Menteri menyebutkan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO terdiri dari orang-orang yang jauh lebih muda dari beliau tetapi mereka bergaul rapat dengan beliau.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, banyak nilai Islam seperti amanah belum banyak diamalkan.

Katanya: "Kalau tidak ada amanah, kita tidak bisa menumbuhkan pemerintahan yang adil dan tidak bisa menahan diri dari perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama.

"Kerana itulah kita punya slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" sebagai satu panduan pada kita dan saya yakin panduan ini juga akan diterima oleh golongan lain serta dengan tekanan pada nilai-nilai yang baik, pemerintahan yang kukuh dan berkesan akan terwujud."

Mengenai "Kepimpinan Melalui Tauladan", Perdana Menteri menjelaskan, pentadbiran diutamakan kerana kerajaan memandang perlu membrikan tauladan.

"Iaitu dengan harapan apabila pentadbiran itu baik dan mengamalkan nilai-nilai Islam, maka masyarakat juga akan mengikutinya kerana kalau pentadbiran itu tidak baik, maka kepercayaan masyarakat juga berkurang," ujar beliau.

Beliau berkata, semanganya penumpuan dibuat pada perkara-perkara yang

praktikal seperti nilai-nilai yang baik yang diajarkan oleh Islam.

"Kita tidak begitu memperhatikan soalrupa bentuk seperti pakaian tertentu selain dari yang menutup aurat tetapi kerana kita percaya bahawa kulitnya tidak begitu penting, yang penting ialah amalannya," ujar beliau.